

# Berita Manmin

NO. 27 10 SEPTEMBER 2023

## Retret Musim Panas Manmin 2023 Dipenuhi kasih dan kuasa

Siaran secara langsung di dalam dan di luar negara  
dalam 15 bahasa menerusi GCN TV



Dari 31 Julai hingga 2 Ogos, Retret Musim Panas Manmin 2023 telah diadakan di Dewan Konvensyen Oak Valley Resort di Bandar Wonju, Gangwon-do dengan tema "Yakin dan Berani" berdasarkan Yosua 1:6-8.

Acara ini dihadiri oleh pastor dan orang Kristian dari 10 buah negara termasuk Taiwan, Malaysia, Mongolia, Kanada, Colombia, Filipina dan Australia. Ia diterjemahkan secara serentak dalam 15 bahasa termasuk bahasa Inggeris, Cina, Jepun, Sepanyol, Rusia dan Perancis serta siaran langsung ke seluruh dunia menerusi GCN TV, YouTube, Facebook, dan lain-lain.

Dalam ibadat ketibaan, sesi pertama acara diadakan pada pukul 2:00 petang.

Puan Boknim Lee selaku Presiden Pusat Doa Manmin menyampaikan khutbah yang bertajuk 'Berikanlah Kawasan Perbukitan Itu kepada Saya' berdasarkan Yosua 14:10-13. Kemudian, beliau memimpin perjumpaan doa yang dipenuhi Roh Kudus. Ramai orang yang hadir bertaubat dan menyediakan diri dengan sewajarnya untuk menerima jawapan, kesembuhan dan berkat.

Pada pukul 7:30 petang, satu seminar khas telah diadakan bersama-sama dengan perjumpaan kesembuhan ilahi. Pemangku Pastor Kanan Soojin Lee menyampaikan khutbah yang bertajuk 'Yakin dan Berani' berdasarkan Yosua 1:6-8. Dalam khutbah, beliau berkata, "Sebagai anak-anak Tuhan,

kita harus yakin dan berani di hadapan-Nya untuk memasuki syurga yang indah, untuk menerima jawapan bagi doa kita, dan memenuhi ketentuan Tuhan. Tuhan berkenan kepada anak-anak seperti itu. Untuk menjadi anak-anak yang yakin dan berani, kita harus memakai seluruh perlengkapan senjata daripada Tuhan. Kemudian, beliau memberitahu kita cara memakai seluruh perlengkapan senjata daripada Tuhan dengan menjelaskan maksud rohani yang terkandung dalam Efesus 6:13-18: tali pinggang kebenaran, perisai dada ketulusan, kasut Berita Baik, perisai iman, topi besi keselamatan, dan pedang Roh Kudus. Beliau menggesa kita

untuk berdoa dengan bersungguh-sungguh.

Selepas khutbah itu, beliau memimpin pujian dan doa pertaubatan serta berdoa untuk orang yang sakit dari podium dengan sapu tangan kuasa yang telah didoakan oleh Pastor Kanan Jaerock Lee (Kisah Rasul-rasul 19:11-12). Hasilnya, ramainya orang sembuh daripada pelbagai penyakit termasuk infarksi serebrum, rheumatoid arthritis, hernia cakera tulang

belakang, kesan selepas pembedahan, patah tulang belakang, neuralgia, dan penyakit kulit. Belakang yang bengkok diluruskan. Penglihatan dan pendengaran juga dipulihkan.

Semasa acara ini, banyak kesaksian kesembuhan juga dihantar dari luar negara. Saudara Thomas dari India bersaksi bahawa benjolan di lehernya hilang ketika perjumpaan kesembuhan

ilahi. Saudari Libya Savedra dari Colombia pulih penglihatannya selepas dia berasa panas dan sejuk pada bahagian mata ketika menerima doa. Saudari Milagros Pardo dari Peru sembuh daripada sakit kepala dan sakit badan ketika sesi pujian unggul api (lihat muka surat 6). Kesaksian kesembuhan berterusan diterima dari Mexico, Chile, Venezuela, Sepanyol, dan lain-lain.

### Sorotan khas

## 'Sekolah Alkitab Musim Panas 2023' Anjuran Sekolah Minggu Kanak-kanak

Dari 22 hingga 23 Julai 2023, Sekolah Alkitab Musim Panas 2023 telah diadakan dan disiarkan secara langsung menerusi YouTube dan GCN TV. Ramai kanak-kanak menghadirinya secara dalam talian dan juga di lokasi.

Sesi pertama ialah waktu "Firman dan Doa" yang diadakan di ruang ibadat kediaman Pastor Kanan pada sebelah pagi. Sebelum khutbah utama, di bawah pimpinan Saudara Siwoo Lee (Gred 6 Sekolah Rendah), Saudara Sarang Sim (Gred 3 Sekolah Rendah) menyampaikan doa perwakilan, Saudara Hedva (Prasekolah, usia 7 tahun) membaca Firman Tuhan, dan Kumpulan Seni Persembahan Sekolah Minggu Kanak-kanak mempersembahkan lagu khas.

Kemudian, Pemangku Pastor Kanan Soojin Lee menyampaikan khutbah dan beliau menggesa mereka untuk berjalan dalam Cahaya dengan iman rohani, yakin dan berani di hadapan Tuhan, dan tampil sebagai anak-anak cahaya yang menyerupai-Nya. Apabila beliau memimpin pujian dan doa, mereka bertaubat dan dipenuhi Roh Kudus.

Pada sebelah petang, mereka menonton video yang bertajuk 'Aku akan Memberikannya Kebolehan-Ku' yang memperkenalkan ekspresi pelbagai kebolehan mereka seperti bermain alat muzik, taekwondo, dan melukis. Ia diikuti dengan acara indah 'Puji Gembira' yang dipimpin oleh Pastor Sungsik Jang, pengetua Sekolah Minggu Kanak-kanak. Mereka bergembira sepenuhnya dalam Tuhan, bernyanyi pujian dan menari dengan suka cita.

Kemudian, kanak-kanak di bawah gred tiga sekolah rendah menyertai acara istimewa bermain permainan tujuh langkah dengan meniru kisah penaklukan Kanaan manakala kanak-kanak daripada gred empat dan ke atas menyertai acara yang bertajuk 'Saya mahu lebih mengenali Tuhan Bapa dan Tuhan Yesus'.

Pada hari kedua, 'Pengajian Alkitab Mingguan' khas telah disiarkan secara dalam talian sebagai bahagian yang ditampilkan dalam Sekolah Alkitab Musim Panas 2023. Pelbagai aktiviti diadakan seperti pertunjukan boneka oleh kumpulan guru bagi kanak-kanak di bawah usia tujuh tahun, kuiz Alkitab bagi kanak-kanak berusia 8 hingga 10 tahun, dan 'Saya mahu lebih mengenali Tuhan Bapa dan Tuhan Yesus' bagi kanak-kanak berusia 11 hingga 13 tahun. Semua kanak-kanak yang hadir menikmati masa yang gembira dalam Tuhan.





Oleh Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee

Dengan kepercayaan kepada Tuhan Yang Maha Mencipta, tidak ada perkara yang mustahil. Sepertimana kunci utama dapat membuka mana-mana pintu, begitu juga iman yang sejati kepada Tuhan dapat menyelesaikan semua masalah untuk membawa turun kuasa Tuhan dalam apa-apa jenis realiti yang mengerikan. Marilah kita lihat apakah iman yang sejati dan jenis pekerjaan yang ditimbulkannya.

### 1. Kita mesti percaya bahawa seluruh dunia dicipta oleh firman Tuhan

Bertahun-tahun yang lalu, seorang ahli astronomi dan profesor Korea yang diiktiraf dunia memberikan perumpamaan untuk menyangkal kepalsuan teori evolusi.

Dia berkata, "Katakan ribut yang kuat menerangkan sebuah kilang kereta ke langit. Sebuah kereta terbuat daripada puluhan ribu bahagian. Di tengah-tengah kejadian itu, bahagian-bahagian yang tercabut jatuh dari langit lalu bergabung membentuk sebuah kereta yang lengkap."

Adakah sesiapa percaya kepada perkara ini? Kita manusia ialah organisme hidup yang bijak tetapi sayang sekali begitu ramai orang percaya kepada teori evolusi yang menyatakan bahawa manusia dicipta secara kebetulan dan telah berkembang! Skru yang paling ringkas pun dibuat oleh seseorang tetapi bagaimana mungkin makhluk hidup atau alam semesta wujud secara kebetulan? Mujurlah dengan kemajuan sains dan teknologi, mereka menyatakan betapa rumit dan halus alam semesta termasuk sistem suria dan semua makhluk hidup lalu kepalsuan teori evolusi terbongkar. Oleh itu, bagaimanakah Tuhan Yang Maha Mencipta menjadikan alam semesta yang begitu luas dan segala isinya?

Ibrani 11:3 menyatakan, "Kerana beriman, kita mengerti bahawa alam ini diciptakan oleh firman Allah, maka apa yang dapat dilihat dijadikan daripada apa yang tidak dapat dilihat." Ayat ini bermaksud bahawa Tuhan menciptakan langit dan bumi serta segala isinya daripada kekosongan dengan firman-Nya. Jika kita membuka hati kita, kita dapat mencari bukti dengan mudah.

Terdapat pelbagai bangsa yang hidup di bumi ini tetapi

## Beriman bererti yakin sungguh-sungguh akan perkara-perkara diharapkan, dan mempunyai kepastian akan perkara-perkara yang tidak dapat kita lihat

"Beriman bererti yakin sungguh-sungguh akan perkara-perkara diharapkan, dan mempunyai kepastian akan perkara-perkara yang tidak dapat kita lihat." (Ibrani 11:1)

semuanya mempunyai dua mata, dua telinga, satu hidung dan satu mulut tanpa mengira warna kulit. Mereka juga mempunyai struktur muka yang sama. Perkara ini juga terpakai untuk pelbagai jenis haiwan. Walaupun terdapat sedikit perbezaan mengikut spesies, kebanyakan haiwan mempunyai struktur muka dan kedudukan yang sama. Gajah mempunyai hidung yang panjang. Hidung gajah tidak terletak di bawah dagu tetapi di bawah mata, di atas mulut, dan di tengah-tengah muka seperti manusia. Perkara ini sama bagi burung yang terbang di langit, ikan yang hidup di laut, dan serangga yang hidup di bumi tetapi hanya dengan beberapa pengecualian mengikut spesies.

Seterusnya, marilah kita lihat proses makan dan perkumuhan. Makanan masuk ke dalam mulut, melalui organ pencernaan, dan keluar dari organ perkumuhan. Hal ini adalah sama bagi manusia, haiwan di darat, burung di langit dan ikan di laut. Semuanya mempunyai struktur dan kedudukan yang sama. Hal ini membuktikan bahawa hanya ada satu Pencipta, bukannya banyak dan semua makhluk telah direka dan diciptakan oleh-Nya.

Bagaimanakah mungkin hal ini berlaku secara kebetulan, dan bagaimanakah puluhan juta makhluk hidup mempunyai struktur dan kedudukan yang sama melalui evolusi? Saya berharap agar melalui mesej ini akan anda lebih dekat kepada Tuhan Yang Maha Mencipta dan mencapai tahap iman sempurna yang dikehendaki Tuhan untuk anda.

### 2. Dimensi iman di mana tiada yang mustahil

"Beriman bererti yakin sungguh-sungguh akan perkara-perkara diharapkan, dan mempunyai kepastian akan perkara-perkara yang tidak dapat kita lihat." Dengan iman rohani, Tuhan mengiktiraf apa yang anda simpan dan harapkan untuk menjadi kenyataan dan apa yang tidak dilihat muncul sebagai bukti. Dengan kata lain, iman yang diiktiraf oleh Tuhan yang membuatkan apa yang tidak dapat anda lakukan menjadi mungkin, membawa apa yang tidak dapat anda miliki, dan membolehkan anda melakukan apa yang tidak dapat anda capai.

Pengetahuan pada hari ini semakin terkumpul dan sains dan perubatan semakin maju dari hari ke hari sehingga apa yang sebelum ini tidak dapat dibayangkan menjadi mungkin dan seolah-olah semua perkara dapat dilakukan dengan kuasa manusia. Namun begitu, di sebalik kemajuan sains dan teknologi, banyak lagi perkara yang tidak dapat dilakukan dengan kemajuan manusia berbanding dengan sebelumnya. Hal ini terpakai bagi penyakit atau kehilangan upaya. Terdapat banyak rawatan perubatan yang berkesan untuk penyakit tetapi masih ramai orang mati akibat penyakit yang baru ditemui dan penyakit yang tidak dapat diubati.

Kita sebagai manusia tidak dapat menjangkakan kemalangan atau bencana yang akan berlaku dalam masa 5 minit kemudian dan kita tidak dapat menyelamatkan nyawa kita daripadanya. Sesetengah orang menikmati kekayaan dan kehormatan tetapi mungkin kehilangan semua yang dimiliki oleh mereka dalam sekilip mata. Begitu juga, terdapat begitu banyak perkara yang mustahil dalam batas manusia. Jika kita dapat melakukan apa-apa sahaja yang kita inginkan, siapakah di dunia ini yang akan menderita penyakit dan hidup dalam kemiskinan?

Dalam dunia fizikal ini, kita tidak dapat melakukan apa-apa di luar kemampuan manusia dan tidak mempunyai pilihan melainkan menyerah kerana batas manusia. Tidak kira betapa bersemangatnya kita mengharapkan sesuatu, kita tidak dapat memenuhi keinginan kita melangkaui batas manusia. Namun begitu, hal ini sama sekali berbeza dalam dunia rohani melalui iman.

Dunia rohani ialah dimensi keempat yang mana apa yang mustahil untuk diharapkan menjadi mungkin dan apa yang tidak dilihat muncul sebagai bukti melalui iman. Dalam bidang geometri, istilah titik adalah untuk sesuatu yang tiada dimensi, garis untuk satu dimensi, muka untuk dua dimensi, dan kubus untuk tiga dimensi.

Walau bagaimanapun, dimensi dalam dunia rohani mempunyai maksud yang berbeza: yang tidak dapat bernafas dan tidak bergerak seperti batu dan tanah tidak mempunyai dimensi; tumbuhan bernafas dan tidak bergerak sendiri tergolong dalam dimensi pertama; haiwan yang bernafas dan bergerak tetapi tidak mempunyai roh tergolong dalam dimensi kedua; dan manusia yang dapat bernafas dan bergerak serta mempunyai roh tergolong dalam dimensi ketiga. Sehingga tahap ini, semuanya tergolong dalam dunia fizikal.

Selain semua yang dinyatakan di atas, ada makhluk yang tidak kelihatan tetapi wujud. Makhluk ini tergolong dalam dunia rohani yang mempunyai empat dimensi.

Dengan mata rohani kita yang terbuka kita dapat melihat dunia rohani, dan dengan telinga rohani yang terbuka kita dapat mendengar suara makhluk rohani. Terdapat banyak perkara yang mustahil di dalam dunia fizikal ini tetapi dunia rohani melangkaui realiti dan tiada batas, jadi segala-galanya mungkin di dalamnya.

Dunia iman melangkaui batas badani dan menjadikan yang mustahil menjadi mungkin. Hal ini kerana ia bekerja dengan kuasa Tuhan Yang Maha Kuasa, bukan dengan kuasa manusia. Oleh itu, dalam Markus 9:23 dinyatakan bahawa, "...Orang yang percaya kepada Allah dapat melakukan segala sesuatu!"

Dalam rekod alkitabiah terdapat begitu banyak bukti tentang dunia rohani di mana tidak ada yang mustahil melalui iman supaya kita dapat percaya dan mengalaminya. Alkitab dengan jelas memberitahu kita tentang tokoh alkitabiah yang dianggap oleh Tuhan mempunyai iman dan bagaimana mereka dibimbing ke jalan menuju jawapan dan berkat. Perkara-perkara ini tidak hanya berlaku pada zaman Perjanjian Lama atau pada zaman Yesus.

Seperti yang tercatat dalam Ibrani 13:8, "Yesus Kristus tetap sama, baik dahulu, sekarang, dan selamalamanya," karya alkitabiah yang sama dapat berlaku pada zaman ini. Orang yang hampir mati dalam batas manusia dan orang yang hidup kurang upaya sepanjang hayat mereka telah sembuh dengan iman. Ramai orang sembuh bukan hanya dengan saya meletakkan tangan pada tubuh mereka tetapi juga apabila saya berdoa untuk orang sakit hanya dari podium semasa ibadat. Selain itu, karya yang sama berlaku kepada orang yang menghadiri ibadat melalui Internet dan melalui GCN TV di gereja tempatan, gereja cawangan, dan di rumah di seluruh dunia. Pelbagai jenis penyakit disembuhkan dan semua jenis masalah diselesaikan, lalu mereka berterusan menghantar kesaksian mereka ke gereja saya.

### 3. Iman ialah laluan untuk membawa turun kuasa Tuhan

Apabila menghadapi kesukaran, sesetengah orang Kristian juga memberikan pandangan negatif dan berkata, "Saya tidak dapat melakukannya. Itu hanya berlaku kepada orang yang mempunyai iman yang kuat." Walau bagaimanapun, jika kita mempunyai iman yang sejati kepada Tuhan, karya-Nya juga akan berlaku kepada kita melalui iman kita. Hal ini kerana iman ialah tali rohani yang menghubungkan kita dengan Tuhan dan laluan untuk membawa turun kuasa Tuhan. Sesuatu realiti mungkin kelihatan mustahil dengan kemampuan kita sendiri tetapi apa yang kelihatan mustahil menjadi mungkin melalui iman kita kepada Tuhan Yang Maha



Telefon: 82-2-824-7107  
[www.gcntv.org](http://www.gcntv.org)  
[webmaster@gcntv.org](mailto:webmaster@gcntv.org)



Telefon: 82-2-818-7032  
[www.manminseminary.org](http://www.manminseminary.org)  
[manminseminaryhq@gmail.com](mailto:manminseminaryhq@gmail.com)



[www.wcdn.org](http://www.wcdn.org)  
[wcdnkorea@gmail.com](mailto:wcdnkorea@gmail.com)



Telefon: 82-2-818-7241  
[www.urimbooks.com](http://www.urimbooks.com)  
[urimbook@hotmail.com](mailto:urimbook@hotmail.com)

Kuasa.

Iman yang sejati disertai oleh tanda-tanda yang sama seperti yang tercatat dalam Markus 16:17-19, "Kepada mereka yang percaya akan diberikan tanda-tanda ini." Seperti yang tertulis dalam Matius 21:22, "Apabila kamu berdoa dan percaya bahawa Allah akan melakukan apa yang kamu minta, maka Dia akan melakukannya", apa-apa yang kita minta dengan iman akan diberikan oleh Tuhan. Jika anda berkata, "Saya percaya" tetapi doa anda tidak dijawab, anda perlu menyemak sama ada anda mempunyai iman rohani atau iman badani.

Iman badani dipanggil 'iman yang mati' atau 'iman sebagai pengetahuan.' Iman ini tidak datang dari lubuk hati tetapi sekadar berdasarkan pengetahuan yang tersimpan di dalam otak. Dengan iman badani ini anda percaya kepada apa yang sesuai dengan teori dan pemikiran anda sendiri dan bahawa sesuatu dibuat daripada sesuatu. Namun begitu, dalam lingkungan iman badani anda tidak dapat melangkaui batas teori dan pemikiran anda sendiri dan tidak dapat percaya bahawa sesuatu dibuat daripada kekosongan.

Sesetengah orang berkata dengan mulut mereka, "Saya percaya" tetapi tidak dapat percaya dalam hati. Apabila berhadapan dengan masalah yang melangkaui batas manusia, mereka tidak dapat menyelesaikannya dengan iman sebagai pengetahuan. Hal ini kerana tidak kira betapa kerap mereka melihat dan mendengar perkara yang mustahil menjadi mungkin dengan kuasa Tuhan, mereka tidak menggabungkannya dengan iman.

Berlainan dengan iman badani seperti itu, iman yang sejati datang dari lubuk hati dan dipanggil 'iman yang hidup' atau 'iman rohani'. Tuhan mahu kita mempunyai iman rohani seperti itu. Orang yang mempunyai iman rohani dapat memenuhi janji Tuhan yang tercatat dalam Markus 11:24 yang menyatakan, "Oleh itu ingatlah: Apabila kamu berdoa dan minta sesuatu, percayalah bahawa kamu telah menerima, kerana apa sahaja yang kamu minta akan diberikan kepada kamu."

Dengan iman rohani kita dapat mempunyai penyelesaian bagi semua jenis masalah. Hal ini kerana melalui iman dalam Tuhan, kita dapat berkongsi dunia rohani yang di dalamnya tidak ada yang mustahil.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa keadaan di mana kita tidak dapat menerima jawapan walaupun kita memintanya dengan iman. Seperti yang dinyatakan dalam Yakobus 4:3, "Apabila kamu memintanya, kamu tidak mendapatnya, kerana tujuan kamu jahat. Apa yang kamu minta itu untuk kesenangan diri sendiri," kita gagal

untuk menerima jawapan apabila kita memintanya untuk kesenangan diri kita sendiri.

Apabila kita meminta sesuatu demi kesenangan kita sendiri, ini bermaksud bahawa kita tidak menyediakan wadah yang layak untuk menerima jawapan dan itu bukanlah iman yang menyenangkan hati Tuhan. Tuhan tidak akan akan mengabulkan doa yang sedemikian tidak kira betapa kita memintanya dengan pengakuan iman.

Saudari dan saudari yang saya kasih dalam Kristus,

Iman yang sejati bukan sekadar diikuti oleh pengakuan iman tetapi bukti iman. Iman kita harus hadir dengan buktinya. Iman yang sejati membuatkan apa yang mustahil menjadi realiti dan apa yang tidak dapat kita harapkan menjadi kenyataan. Iman yang sejati membolehkan kita percaya kepada semua perkataan dalam Alkitab dan ia merupakan petunjuk yang jelas kepada jalan penyelesaian dalam situasi yang tidak ada harapan.

Jika kita melihat realiti, kita tidak dapat tidak berasa ragu dan berputus asa di tengah-tengah keadaan itu dalam pelbagai aspek. Namun begitu, jika kita mempunyai iman yang sejati, kita tidak memandang realiti tetapi kita mempunyai jaminan tentang apa yang kita harapkan dan bukti tentang apa yang akan berlaku pada masa hadapan agar kita tidak berubah dalam apa-apa keadaan.

Oleh itu, seperti yang tertulis dalam Roma 4:20, "Tetapi walaupun demikian, dia tidak ragu akan janji Allah, dan imannya pun tidak menjadi lemah. Sebaliknya imannya menjadikan dia bertambah kuat, dan dia memuji-muji Allah,' semoga anda mempunyai iman yang sejati dan sempurna kepada Tuhan yang anda temui dan dalam Tuhan Yesus Kristus yang tetap sama dahulu, sekarang dan selama-lamanya serta menunjukkan bukti iman anda dengan kuasa Tuhan dalam segala perkara. Saya berdoa demi nama Tuhan Yesus!

## Berita Manmin

Malay

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaebang-Ro 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan  
 [Poskod: 07056]  
<http://www.manminnews.com/2012/nation/ebooks.asp?nation=mal>  
[www.manminnews.com](http://www.manminnews.com)  
 E-mel: [manminhq@manmin.kr](mailto:manminhq@manmin.kr)  
 Penerbit: Dr. Jaerock Lee  
 Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara

## Pengakuan Iman

1. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa Alkitab ialah Firman Tuhan yang sempurna dan tidak bercacat cela.
2. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kesatuan dan karya Tuhan Triniti: Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh Kudus.
3. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa kita diampunkan daripada dosa kita hanya melalui darah penebusan Yesus Kristus.
4. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kebangkitan dan pengangkatan Yesus Kristus, Kedatangan-Nya yang Kedua, Kerajaan Seribu Tahun, dan Syurga yang abadi.
5. Anggota Manmin mengaku iman mereka melalui "Pengakuan Iman Rasul" pada setiap kali mereka berkumpul dan percaya kepada kandungannya kata demi kata.

# Sembah puji unggun api

## Dipenuhi haruman pujian, kasih dan semangat

Pada hari kedua Retret Musim Panas Manmin 2023, sembah puji unggun api diadakan di dewan konvensyen Oak Valley Resort di Bandar Wonju, Gangwon-do. Kita mempersembahkan aroma pujian dan kasih kepada Tuhan Triniti yang teguh bersama kita dalam kasih dan kuasa-Nya yang tidak putus-putus.

Pemangku Pastor Kanan Soojin Lee memimpin sembah puji unggun api dengan ilham daripada Roh Kudus bersama korus, penari, dan kumpulan muzik. Pada bahagian

pertama acara ini, kita menyanyikan lagu kesyukuran dan kegembiraan dengan harapan kita dapat mengatasi dunia ini dengan Roh Kudus, Pembantu kita yang tinggal di dalam kita dan mara ke Yerusalem Baru, tempat yang paling indah di Syurga.

Dalam selingan acara itu, Saudara Pyunghwa Cha dari Gereja Manmin Seosan di Korea menyampaikan lagu khas 'Service' untuk memperingati penganugerahan hadiah utama dalam Festival Pujian Manmin 2023 manakala Kumpulan Tarian dan Pujian Misi

Belia mempersembahkan satu lagi lagu khas 'Can't Stop', yang membawa kegembiraan dan emosi kepada semua hadirin.

Pada bahagian kedua, kita memberikan kemuliaan kepada Tuhan Triniti dengan lagu-lagu dan tarian dengan harapan bumi akan dipenuhi kemuliaan Tuhan melalui kuasa gembala yang besar dan menakjubkan serta ketentuan bagi Manmin akan dipenuhi dengan keazaman bersatu dalam kasih Tuhan dan setia dengan segenap kekuatan kita.

